

## POLISI INSURANS PA FLEX

**BAHAWASANYA Orang Yang Diinsuranskan** melalui suatu permohonan dan pengisytiharan yang turut digabungkan di sini telah memohon kepada **Liberty General Insurance Berhad [No. Pendaftaran 197801007153 (44191-P)]** (selepas ini disebut sebagai "Syarikat") untuk insurans yang terkandung dalam Polisi ini dan telah membayar premium yang dinyatakan dalam Jadual Polisi sebagai balasan untuk insurans tersebut bagi tempoh yang dinyatakan di dalamnya.

**MAKA DENGAN INI POLISI INI MENYAKSIKAN:** Bahawa tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung di sini atau yang ditandakan atau dinyatakan sebaliknya, Syarikat akan menanggung kerugian **Orang Yang Diinsuranskan** mengikut cara dan setakat mana yang dinyatakan selepas ini:

**SYARIKAT** dengan ini bersetuju dengan **Orang Yang Diinsuranskan** bahawa jika pada bila-bila masa sepanjang Tempoh Insurans atau sepanjang mana-mana tempoh berikutnya di mana **Orang Yang Diinsuranskan** membayar dan Syarikat bersetuju untuk menerima premium tersebut, Syarikat akan membayar jumlah atau jumlah-jumlah wang yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat yang dinyatakan dalam polisi ini sekiranya **Pihak Diinsuranskan** mengalami sebarang **Kecederaan** yang disebabkan oleh **KEMALANGAN YANG BERSIFAT LUARAN, KETARA, SECARA TIBA-TIBA, TIDAK DISENGAJAKAN, TIDAK DIJANGKA DAN TIDAK DIDUGA YANG BERLAKU PADA MASA DAN TEMPAT YANG DAPAT DIKENAL PASTI, SEMATA-MATA DAN BEBAS DARIPADA SEBARANG PUNCA LAIN** yang mengakibatkan kematian atau hilang upaya kekal.

## DEFINISI

1. **Syarikat / Kita / Kami** bermaksud Liberty General Insurance Berhad.
2. **Tarikh Bermula** bermaksud tarikh Polisi ini berkuatkuasa sebagaimana dinyatakan dalam **Jadual** Polisi.
3. **Kemalangan** bermaksud sebarang kejadian yang mengejut atau tidak dijangka, yang berpunca secara langsung dan bebas daripada tindakan sebab luaran, selain daripada sebarang **Kecederaan** yang disengajakan sendiri.
4. **Kecederaan** bermaksud kecederaan anggota badan yang dialami di mana-mana sahaja di dunia yang disebabkan semata-mata oleh **Kemalangan** dan bukan oleh penyakit (selain daripada penyakit yang diperuntukkan secara nyata dalam Polisi ini) atau haus dan lusuh fizikal atau mental secara beransur-ansur yang berlaku semasa Tempoh Insurans.
5. **Tarikh Ulang Tahun Polisi** merujuk kepada tarikh yang sama setiap tahun dengan **Tarikh Bermula** Polisi.
6. **Jadual** bermaksud dokumen yang dilampirkan dan membentuk sebahagian penting Polisi yang memberikan butiran tentang **Orang Yang Diinsuranskan / Pihak Diinsuranskan**, terma dan syarat yang dinyatakan dalam kontrak insurans ini.
7. **Orang Yang Diinsuranskan** bermaksud orang yang dinamakan atau dinyatakan dalam **Jadual** di mana Polisi ini telah dikeluarkan berkenaan dengan perlindungan bagi **Pihak Diinsuranskan**.
8. **Pihak Diinsuranskan** bermaksud orang yang dinamakan atau diterangkan dalam Jadual Endorsmen sebagai **Pihak Diinsuranskan** dan mestilah warganegara Malaysia, Penduduk Tetap Malaysia, pemegang permit pekerjaan atau sebaliknya bekerja secara sah di Malaysia dan/atau pasangan suami/isteri dan anak-anaknya yang/sedang menetap secara sah di Malaysia.
  - (a) Pasangan merujuk kepada pasangan sah **Orang Yang Diinsuranskan**. Kami akan melindungi satu pasangan sah sahaja di bawah Polisi ini.
  - (b) **Anak-anak** merujuk kepada anak kandung atau anak angkat yang sah **Orang Yang Diinsuranskan** yang menganggur dan belum berkahwin.
9. **Pengamal Perubatan** bermaksud doktor atau Pengamal Perubatan tradisional yang berlesen dan berkelayakan untuk mengamalkan ilmu perubatan, rawatan dan pembedahan yang dibenarkan dalam kawasan geografi di mana beliau bertugas, tetapi tidak termasuk doktor atau pengamal perubatan yang beliau sendiri merupakan **Orang Yang Diinsuranskan / Pihak Diinsuranskan**, atau pasangan atau saudara terdekat **Orang Yang Diinsuranskan / Pihak Diinsuranskan**.
10. **Hospital** bermaksud sebarang institusi yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan atau mana-mana pihak berkuasa yang setaraf dan beroperasi secara sah bagi penjagaan dan rawatan orang-orang yang cedera dilengkapi dengan kemudahan teratur bagi diagnosis dan pembedahan, mempunyai perkhidmatan kejururawatan dua puluh empat (24) jam setiap hari oleh jururawat berdaftar dan jururawat siswazah dan penyeliaan perubatan, tetapi tidak termasuk mana-mana institusi yang digunakan terutamanya dan sepenuhnya sebagai rumah jagaan, institusi mental, atau tempat bagi penjagaan atau rawatan penagih alkohol atau dadah atau rumah orang-orang tua atau penubuhan seumpamanya.
11. **Hilang Daya Penglihatan** bermaksud kehilangan penglihatan keseluruhan dan tidak boleh sembuh yang menyebabkan **Pihak Diinsuranskan** buta sama sekali yang tidak dapat diubah melalui pembedahan atau rawatan lain.

12. **Hilang Upaya Kekal Menyeluruh** bermaksud hilang upaya fizikal akibat **Kecederaan** dan bermula dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar dari tarikh **Kemalangan, Pihak Diinsuranskan** hilang upaya secara menyeluruh, berterusan dan berkekalan dan dihalang daripada menjalankan tiga (3) atau lebih **Aktiviti-aktiviti Kehidupan Harian** sebagaimana dinyatakan dalam Polisi ini yang biasanya dilakukan oleh beliau dalam kehidupan seharian sekiranya hilang upaya sedemikian tidak berlaku.
13. **Unsur Semula Jadi** bermaksud keadaan cuaca yang melampau termasuk tetapi tidak terhad kepada kemarau, gelombang haba, ribut pasir dan ribut salji.
14. **Aktiviti-aktiviti Kehidupan Harian** sebagaimana dinyatakan dalam Polisi ini hendaklah mempunyai maksud-maksud berikut:
  - (a) Pemindahan: Duduk dan bangun dari kerusi tanpa memerlukan sebarang bantuan fizikal.
  - (b) Mobiliti: Keupayaan untuk bergerak dari bilik ke bilik tanpa memerlukan sebarang bantuan fizikal.
  - (c) Pengawalan Diri: Keupayaan untuk mengawal fungsi usus dan punci kencing secara semula jadi untuk kebersihan diri.
  - (d) Memakai Pakaian: Menyarung dan menanggalkan semua pakaian tanpa memerlukan bantuan orang lain.
  - (e) Mandi / Membersihkan Diri: Keupayaan untuk membersihkan diri atau mandi (meliputi pergerakan masuk atau keluar dari bilik mandi atau pancuran) atau membersihkan diri melalui apa jua cara disediakan.
  - (f) Makan: Apa jua usaha untuk memasukkan makanan ke dalam badan sebaik sahaja ia disediakan.
15. **Sukan dan aktiviti lasak** bermaksud sebarang aktiviti yang mungkin sangat berbahaya (iaitu melibatkan tahap kepakaran yang tinggi, aktiviti fizikal yang melampau, peralatan atau aksi yang sangat khusus) termasuk:
  - (a) Sebarang pertandingan kelajuan atau perlumbaan selain daripada berjalan kaki;
  - (b) Mendaki gunung (secara munasabah memerlukan penggunaan tali dan panduan), panjat tebing, pendakian dalaman, abseiling atau gua;
  - (c) Hiking atau merentas hutan di kawasan terpencil melainkan dengan pemandu berlesen;
  - (d) Sebarang aktiviti yang melibatkan **Pihak Diinsuranskan** berada di udara (sama ada digantung atau tidak) termasuk tetapi tidak terhad kepada payung terjun, tunggangan belon udara panas, meluncur gantung, sky diving atau terjun tinggi, atau terbang kecuali sebagai penumpang yang membayar tambang dalam syarikat penerbangan berjadual;
  - (e) Sebarang aktiviti dalam air yang melebihi lima puluh (50) meter kedalaman, melibatkan penggunaan alat pernafasan bawah air atau lompat ski air;
  - (f) Bola sepak, ragbi atau bola sepak Amerika; atau
  - (g) Motocross, motocross gaya bebas atau sebarang bentuk motosikal luar jalan.

## JADUAL MANFAAT

Manfaat-manfaat		Pelan 1 (RM)	Pelan 2 (RM)	Pelan 3 (RM)	Pelan 4 (RM)	Pelan 5 (RM)	Pelan 6 (RM)	Pelan 7 (RM)	
1	Kematian Akibat Kemalangan (Bonus Pembaharuan Sebanyak 10% Setiap Tahun Sehingga Maksimum 100% daripada Jumlah Asas Diinsuranskan)	50,000	100,000	200,000	300,000	500,000	750,000	1,000,000	
2	Hilang Upaya Kekal (Bonus Pembaharuan Sebanyak 10% Setiap Tahun Sehingga Maksimum 100% daripada Jumlah Asas Diinsuranskan)	Sehingga 50,000	Sehingga 100,000	Sehingga 200,000	Sehingga 300,000	Sehingga 500,000	Sehingga 750,000	Sehingga 1,000,000	
3	Perbelanjaan Perubatan	Sehingga 3,000	Sehingga 4,500	Sehingga 6,000	Sehingga 6,500	Sehingga 7,500	Sehingga 8,500	Sehingga 10,000	
4	Pembedahan Pembetulan Gigi dan/atau Kosmetik	Sehingga 5,000							
5	Rawatan Tradisional	Sehingga 100 setiap rawatan, tertakluk kepada maksimum 500							
6	Pembelian Peralatan Ortopedik	Sehingga 1,000				Sehingga 2,000			
7	Yuran Ambulans	Sehingga 1,000							
8	Pendapatan Hospital Harian (setiap hari, sehingga 180 hari)	75	75	100	125	175	200	225	
9	Penjagaan Kejururawatan Rumah	Sehingga 500	Sehingga 1,000	Sehingga 1,500	Sehingga 2,000	Sehingga 3,000	Sehingga 4,000	Sehingga 5,000	
10	Penjagaan Ihsan	Sehingga 100 setiap hari, tertakluk kepada maksimum 1,000							
11	Elaun Khairat Kematian	5,000	10,000	20,000	30,000	50,000	75,000	100,000	
12	Perbelanjaan Pengebumian	Sehingga 7,500							
13	Perlindungan Penculikan	5,000 untuk Perbelanjaan dan 25,000 untuk Ganjaran							
14	Ragut dan Rompakan	Sehingga 1,000							
15	Penghantaran Balik Jenazah	Sehingga 7,500							
16	Liabiliti Peribadi	Sehingga 50,000	Sehingga 100,000	Sehingga 200,000	Sehingga 300,000	Sehingga 500,000	Sehingga 750,000	Sehingga 1,000,000	
17	Indemniti Berganda Semasa Melancong Ketika Cuti Umum Kebangsaan di Malaysia / dalam Pengangkutan Awam / Pengangkutan	50,000	100,000	200,000	300,000	500,000	750,000	1,000,000	
18	Perbelanjaan Kaunseling Akibat Trauma / Fisioterapi / Psikoterapi / Pemulihan	Sehingga 5,000							
19	Kematian Akibat Bencana Semula Jadi	5,000	10,000	20,000	30,000	50,000	75,000	100,000	
<b>Manfaat Pilihan Mingguan</b>									
1	Hilang Upaya Menyeluruh Sementara (setiap minggu, sehingga 104 minggu)	50	75	100	150	250	375	500	
2	Hilang Upaya Separa Sementara (setiap minggu, sehingga 104 minggu)	25	37.50	50	75	125	187.50	250	

## MANFAAT-MANFAAT

Perihal Kehilangan	Peratusan (%) Jumlah Asas Diinsuranskan	
<b>1. KEMATIAN AKIBAT KEMALANGAN</b> (berlaku dalam tempoh 12 kalendar bulan dari tarikh <b>Kemalangan</b> )	100	
<b>2. HILANG UPAYA KEKAL</b> (berlaku dalam tempoh 12 kalendar bulan dari tarikh <b>Kemalangan</b> ) mengakibatkan:		
(a) Hilang Upaya Kekal Menyeluruh	100	
(b) Lumpuh sepenuhnya atau terlantar selama-lamanya	100	
(c) Kehilangan	100	
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• satu tangan atau lengan</li> <li>• satu kaki atau bahagian paha</li> <li>• penglihatan penuh sama ada satu atau kedua-dua mata</li> </ul>	100
(d) Kehilangan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• pendengaran kedua-dua telinga</li> <li>• pendengaran sebelah telinga</li> <li>• keupayaan pertuturan</li> </ul>	75 15 50
(e) Kehilangan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• empat jari dan ibu jari sebelah tangan</li> <li>• empat jari pada sebelah tangan</li> </ul>	50 40
(f) Kehilangan ibu jari	<ul style="list-style-type: none"> <li>• kedua-dua falanks</li> <li>• satu falanks</li> </ul>	25 10
(g) Kehilangan jari telunjuk	<ul style="list-style-type: none"> <li>• tiga falanks</li> <li>• dua falanks</li> <li>• satu falanks</li> </ul>	10 8 4
(h) Kehilangan jari tengah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• tiga falanks</li> <li>• dua falanks</li> <li>• satu falanks</li> </ul>	6 4 2
(i) Kehilangan jari manis	<ul style="list-style-type: none"> <li>• tiga falanks</li> <li>• dua falanks</li> <li>• satu falanks</li> </ul>	5 4 2
(j) Kehilangan jari kelengkeng	<ul style="list-style-type: none"> <li>• tiga falanks</li> <li>• dua falanks</li> <li>• satu falanks</li> </ul>	4 3 2
(k) Kehilangan jari kaki	<ul style="list-style-type: none"> <li>• semua jari pada sebelah kaki</li> <li>• ibu jari kedua-dua falanks</li> <li>• ibu jari, satu falanks</li> <li>• selain ibu jari, sekiranya kehilangan lebih daripada satu jari, setiap satu</li> </ul>	15 5 2 1

Kehilangan kekal keseluruhan penggunaan bahagian badan hendaklah dianggap sebagai kehilangan bahagian badan. Di mana apa-apa ketidakupayaan separa kekal yang tidak dinyatakan di atas selain daripada kehilangan deria rasa atau bau, **Syarikat** akan menerima pakai peratusan hilang upaya yang mengikut pendapat penasihat perubatan **Syarikat** konsisten dengan peruntukan di atas dan tanpa mengambil kira pekerjaan **Pihak Diinsuranskan**.

Manfaat 1 (Kematian Akibat Kemalangan) dan Manfaat 2 (Hilang Upaya Kekal) berkongsi had jumlah diinsuranskan yang sama. **Kami** hanya akan membayar peratusan terbesar jumlah asas diinsuranskan yang perlu dibayar berdasarkan skala pampasan yang ditunjukkan di atas sekiranya **Kecederaan** yang dialami oleh **Pihak Diinsuranskan** dalam satu **Kemalangan**, mengakibatkan lebih daripada satu (1) kehilangan.

Agregat semua peratusan yang perlu dibayar di bawah Manfaat 2 (Hilang Upaya Kekal) berkenaan dengan semua **Kemalangan** dalam Tempoh Insurans tidak boleh melebihi seratus peratus (100%) daripada jumlah asas diinsuranskan.

Sekiranya jumlah diinsuranskan maksimum ini telah dibayar kepada **Pihak Diinsuranskan**, semua insurans di bawah ini untuk **Pihak Diinsuranskan** tersebut hendaklah serta-merta berhenti berkuat kuasa. Semua kehilangan di bawah Manfaat 1 (Kematian Akibat Kemalangan) dan Manfaat 2 (Hilang Upaya Kekal) yang kurang daripada jumlah diinsuranskan maksimum jika telah dibayar akan mengurangkan perlindungan di bawah Manfaat 1 (Kematian Akibat Kemalangan) dan Manfaat 2 (Hilang Upaya Kekal) dengan jumlah tersebut dari tarikh **Kemalangan** sehingga peralihan Polisi.

**Koma:** Apabila disahkan oleh **Pengamal Perubatan** bahawa **Pihak Diinsuranskan** telah berada dalam keadaan koma sekurang-kurangnya selama dua belas (12) kalendar bulan akibat sesuatu **Kemalangan**, **Syarikat** akan membayar 100% daripada Jumlah Asas Diinsuranskan Hilang Upaya Kekal.

**Bonus Pembaharuan:** Sekiranya tiada tuntutan dibuat ke atas Manfaat 2 (Hilang Upaya Kekal) di bawah Polisi ini, jumlah diinsuranskan bagi Manfaat 1 (Kematian Akibat Kemalangan) dan Manfaat 2 (Hilang Upaya Kekal) secara automatik akan meningkat sebanyak 10% daripada jumlah asas diinsuranskan setiap tahun sempena setiap pembaharuan (dengan syarat tiada perluputan dalam tempoh pembaharuan) sehingga maksimum 100% daripada jumlah asas diinsuranskan. Walau bagaimanapun, sekiranya sebarang tuntutan dibuat di bawah Manfaat 2 (Hilang Upaya Kekal) oleh sesiapa **Pihak Diinsuranskan**, sebarang Bonus Pembaharuan yang terkumpul akan dilucuthakkan dan pengiraan bagi Bonus Pembaharuan masa hadapan akan bermula semula dari tarikh pembaharuan berikutnya.

### 3. PERBELANJAAN PERUBATAN

**Kami** akan menanggung kerugian **Pihak Diinsuranskan** bagi perbelanjaan perubatan yang dikenakan akibat sesuatu **Kemalangan** atau akibat Denggi, Malaria, Japanese Encephalitis (JE) atau Chikungunya sehingga had yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat bagi setiap kejadian, dengan syarat rawatan perubatan adalah dilakukan oleh **Pengamal Perubatan**.

Perbelanjaan Perubatan hendaklah meliputi perbelanjaan sebenar yang dikenakan untuk kemasukan ke hospital (termasuk bilik dan penginapan), rawatan klinikal, perubatan dan pembedahan, perundingan doktor, x-ray, ujian makmal, laporan perubatan, laporan bedah siasat dan cukai kerajaan / perkhidmatan. Perbelanjaan Perubatan yang dikenakan akibat keracunan makanan akan dibayar dengan syarat **Pihak Diinsuranskan** dimasukkan ke hospital untuk sekurang-kurangnya lapan (8) jam berturut-turut

#### **Kemasukan dan Keluar Hospital Tanpa Tunai:**

Sekiranya **Pihak Diinsuranskan** memerlukan kemasukan ke **Hospital** akibat **Kemalangan**, **Kami** akan memudahkan kemasukan **Pihak Diinsuranskan** ke **Hospital** yang mengambil bahagian di Malaysia dengan menyediakan jumlah terjamin yang diperlukan oleh **Hospital** sehingga maksimum RM3,000.

Selepas itu, **Kami** juga akan memudahkan pendaftaran keluar **Pihak Diinsuranskan** dari **Hospital** yang sama dengan syarat:

- bil akhir daripada **Hospital** tidak melebihi had Manfaat Perbelanjaan Perubatan **Pihak Diinsuranskan** sebagaimana dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.
- semua butiran dalam bil akhir daripada **Hospital** adalah butiran sebenar yang dilindungi di bawah Manfaat Perbelanjaan Perubatan. Butiran-butiran yang tidak dilindungi hendaklah ditanggung oleh **Pihak Diinsuranskan**.

Manfaat tanpa tunai hanya akan diaktifkan selepas tujuh (7) hari bekerja dari tarikh penyerahan dan penerimaan cadangan **Pihak Diinsuranskan** ke mana-mana pejabat berdaftar **Kami**.

Keracunan makanan dan minuman, Denggi, Malaria, Japanese Encephalitis (JE) atau Chikungunya adalah dikecualikan daripada manfaat kemudahan kemasukan dan keluar tanpa tunai.

### 4. PEMBEDAHAN PEMBETULAN GIGI DAN / ATAU KOSMETIK

**Kami** akan membayar pampasan kepada **Pihak Diinsuranskan** sehingga jumlah yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat berhubung dengan perbelanjaan sebenar yang dikenakan akibat **Kecederaan** yang disebabkan oleh sesuatu **Kemalangan** untuk Pembedahan Pembetulan Gigi dan / atau Kosmetik. Manfaat ini akan dibayar sekiranya ia disyorkan dan dilakukan oleh Pakar Ortodontik atau Pakar Bedah Kosmetik yang berlesen dan pembedahan dilakukan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh **Kemalangan**.

### 5. RAWATAN TRADISIONAL

**Kami** akan menanggung kerugian **Pihak Diinsuranskan** kos sebenar rawatan tradisional termasuk ubat-ubatan akibat **Kecederaan** yang disebabkan oleh sesuatu **Kemalangan** seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

### 6. PEMBELIAN PERALATAN ORTOPEDIK

Sekiranya **Pihak Diinsuranskan** mengalami Hilang Upaya Kekal akibat **Kemalangan**, **Kami** akan membayar pampasan kepada **Pihak Diinsuranskan** sehingga jumlah yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat untuk kos sebenar pembelian peralatan perubatan berikut, dengan syarat bahawa peralatan perubatan tersebut diperlukan untuk membantu pergerakan **Pihak Diinsuranskan** dan disyorkan oleh **Pengamal Perubatan** yang merawat.

- kerusi roda;
- tangan atau kaki palsu; dan / atau
- topang / tongkat

### 7. YURAN AMBULANS

**Kami** akan membayar balik bayaran yang dikenakan bagi perkhidmatan ambulans yang diberi di Malaysia (termasuk pembantu) ke dan/atau dari **Hospital** sehingga jumlah yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat dengan syarat yuran ambulans yang dikenakan adalah disebabkan oleh **Kemalangan** kepada **Pihak Diinsuranskan**.

#### 8. PENDAPATAN HOSPITAL HARIAN

**Kami** akan membayar Manfaat Pendapatan Hospital Harian sebagaimana dinyatakan dalam Jadual Manfaat bagi tempoh kemasukan **Hospital** yang disebabkan oleh **Kecederaan** akibat **Kemalangan** bagi tempoh sehingga maksimum seratus lapan puluh (180) hari setiap **Kemalangan**. Manfaat ini akan dibayar jika **Pihak Diinsuranskan** dimasukkan ke **Hospital** untuk tempoh sekurang-kurangnya lapan (8) jam berturut-turut dan kemasukan hospital tersebut berlaku dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh **Kemalangan**.

Semua tempoh kemasukan **Hospital** akibat sebab yang sama hendaklah dianggap sebagai satu **Kemalangan**.

#### 9. PENJAGAAN KEJURURAWATAN RUMAH

**Kami** akan membayar **Pihak Diinsuranskan** sehingga jumlah sebagaimana dinyatakan dalam Jadual Manfaat sekiranya **Pihak Diinsuranskan** memerlukan penjagaan kejururawatan di rumah yang berterusan oleh jururawat yang berkelayakan dan berdaftar untuk tempoh lebih daripada empat (4) minggu berturut-turut disebabkan **Kecederaan** akibat **Kemalangan** dan penjagaan kejururawatan di rumah tersebut disahkan perlu dari segi perubatan oleh **Pengamal Perubatan** yang merawat.

#### 10. PENJAGAAN IHSAN

**Kami** akan membayar **Pihak Diinsuranskan** sehingga jumlah yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat untuk perbelanjaan perjalanan dan penginapan munasabah yang ditanggung oleh seorang (1) ahli keluarga untuk menjaga dan / atau untuk menemani **Pihak Diinsuranskan** yang masih kecil, berumur tidak lebih daripada dua belas (12) tahun sepanjang tempoh kemasukan beliau ke hospital akibat **Kemalangan**.

Ahli Keluarga bermaksud ibu bapa kandung, penjaga, datuk nenek, adik-beradik lelaki / Perempuan **Pihak Diinsuranskan**.

Manfaat di atas tidak terpakai kepada keracunan makanan dan minuman, Denggi, Malaria, Japanese Encephalitis (JE) atau Chikungunya.

#### 11. ELAUN KHAIRAT KEMATIAN

**Kami** akan membayar had sebagaimana dinyatakan dalam Jadual Manfaat kepada keluarga terdekat atau wakil sah **Pihak Diinsuranskan** sekiranya berlaku yang berikut.

- (a) Kematian Akibat Kemalangan
- (b) Kematian akibat Denggi, Malaria, Japanese Encephalitis (JE) atau Chikungunya.

#### 12. PERBELANJAAN PENGEBUMIAN

**Kami** akan membayar keluarga terdekat atau wakil sah **Pihak Diinsuranskan** sehingga jumlah yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat sebagai Perbelanjaan Pengkebumian apabila tuntutan sah di bawah Manfaat 1 (Kematian Akibat Kemalangan).

#### 13. PERLINDUNGAN PENCULIKAN

**Kami** akan membayar sehingga had yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat setiap kejadian bagi perbelanjaan yang perlu ditanggung termasuk wang tebusan sebagaimana yang dituntut oleh penculik / ganjaran yang dibayar oleh keluarga **Pihak Diinsuranskan** untuk maklumat yang membawa kepada penemuan **Pihak Diinsuranskan** dengan syarat **Pihak Diinsuranskan** masih hidup pada masa penemuan semula. Bayaran bagi wang tebusan / ganjaran yang perlu dibayar tertakluk kepada penentusahan dan pengesahan oleh pihak polis. Jumlah Diinsuranskan akan dibayar sepenuhnya sekiranya **Pihak Diinsuranskan** yang diculik tidak ditemui semula selepas tempoh satu (1) tahun dari tarikh penculikan.

#### 14. RAGUT DAN ROMPAKAN

Sekiranya berlaku kejadian ragut dan / atau rompak, **Kami** akan menanggung kerugian **Pihak Diinsuranskan** sehingga jumlah yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat bagi kehilangan wang tunai dan yuran penggantian kad pengenalan, pasport, lesen memandu, kad kredit / debit, kad akses untuk masuk ke bangunan / lot parkir kereta, cermin mata, telefon bimbit, dompet dan beg duit. **Pihak Diinsuranskan** mestilah membuat laporan polis dalam masa dua puluh empat (24) jam dari masa kejadian dan menyerahkan laporan tersebut kepada **Kami**.

#### 15. PENGHANTARAN BALIK JENAZAH

**Kami** akan menanggung kerugian wakil sah **Pihak Diinsuranskan** sehingga jumlah yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat bagi perbelanjaan sebenar yang ditanggung secara munasabah bagi penghantaran balik jenazah **Pihak Diinsuranskan** ke:

- (a) negara asal **Pihak Diinsuranskan** sekiranya kematian **Pihak Diinsuranskan** adalah disebabkan **Kemalangan** semasa membuat perjalanan di luar negara asal **Pihak Diinsuranskan**; atau
- (b) rumah **Pihak Diinsuranskan** sekiranya kematian **Pihak Diinsuranskan** adalah disebabkan **Kemalangan** semasa membuat perjalanan di dalam negara asal **Pihak Diinsuranskan**.

## 16. LIABILITI PERIBADI

**Kami** akan menanggung liabiliti **Pihak Diinsuranskan** sehingga had yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat mana-mana satu **Kemalangan** dan mana-mana satu Tempoh Insurans. Had wilayah bagi manfaat ini adalah dalam Malaysia sahaja.

- (a) Semua jumlah di mana **Pihak Diinsuranskan** menjadi liabiliti di sisi undang-undang untuk membayar pampasan berhubung dengan:
  - i) **Kecederaan** yang tidak disengajakan kepada pihak ketiga.
  - ii) kerosakan yang tidak disengajakan kepada harta benda pihak ketiga.
- (b) Semua kos dan perbelanjaan litigasi:
  - i) diperoleh semula oleh mana-mana pihak atau pihak-pihak yang menuntut daripada **Pihak Diinsuranskan**.
  - ii) ditanggung dengan persetujuan bertulis **Syarikat**.

Walaupun dengan pernyataan di atas, manfaat ini tidak melindungi sebarang **Kecederaan** atau hilang upaya secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh atau berkaitan dengan mana-mana yang berikut:

- (a) Liabiliti yang ditanggung oleh **Pihak Diinsuranskan** melalui perjanjian melainkan jika liabiliti tersebut memang ditanggung oleh **Pihak Diinsuranskan** walau apa pun perjanjian tersebut menyatakan.
- (b) Liabiliti berhubung dengan **Kecederaan** kepada mana-mana orang yang pada masa mendapat **Kecederaan** tersebut terlibat dalam perkhidmatan **Pihak Diinsuranskan** atau bagi pampasan yang dituntut daripada **Pihak Diinsuranskan** oleh orang yang cedera atau tanggungannya di bawah mana-mana undang-undang Pampasan Pekerja.
- (c) Liabiliti berhubung dengan **Kecederaan** kepada mana-mana orang yang merupakan ahli keluarga atau ahli dalam isi rumah **Pihak Diinsuranskan**.
- (d) Liabiliti berhubung dengan kerosakan kepada harta benda kepunyaan atau dalam jagaan atau di bawah kawalan **Pihak Diinsuranskan** atau mana-mana pembantu rumah atau ejen **Pihak Diinsuranskan**.

## 17. INDEMNITI BERGANDA SEMASA MELANCONG KETIKA CUTI UMUM KEBANGSAAN DI MALAYSIA / DALAM PENGANGKUTAN AWAM / PENGANGKUTAN

**Kami** akan menggandakan Jumlah Diinsuranskan ke atas Manfaat 1 (Kematian Akibat Kemalangan) dan Manfaat 2 (Hilang Upaya Kekal) sekiranya **Pihak Diinsuranskan** mengalami sama ada kematian atau kelumpuhan menyeluruh kekal dari leher ke bawah atau hilang menyeluruh kekal / hilang penggunaan dua (2) lengan / kaki akibat kemalangan semasa mengembara

- (a) ketika cuti umum kebangsaan di Malaysia; dan / atau
- (b) sebagai penumpang berbayar dalam mana-mana pengangkutan awam / pengangkutan.

## 18. PERBELANJAAN KAUNSELING AKIBAT TRAUMA / FISIOTERAPI / PSIKOTERAPI / PEMULIHAN

**Kami** akan membayar balik **Pihak Diinsuranskan** sehingga jumlah yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat berhubung dengan perbelanjaan sebenar yang ditanggung bagi perbelanjaan kaunseling untuk trauma dan /atau fisioterapi dan / atau psikoterapi dan / atau pemulihan akibat sesuatu **Kemalangan**. Manfaat ini akan dibayar sekiranya ia disyorkan dan dilakukan oleh pakar fisioterapi atau pakar psikoterapi atau **Pengamal Perubatan** yang bertauliah dan rawatan tersebut dilakukan dalam masa sembilan puluh (90) hari daripada tarikh **Kemalangan**.

## 19. KEMATIAN AKIBAT BENCANA SEMULA JADI

**Kami** akan membayar kepada keluarga terdekat atau wakil sah **Pihak Diinsuranskan** jumlah sebagaimana dinyatakan dalam Jadual Manfaat sekiranya **Pihak Diinsuranskan** mengalami kematian yang tidak disengajakan akibat bencana semula jadi yang dilindungi dalam Polisi ini.

## MANFAAT PILIHAN MINGGUAN

Sekiranya **Pihak Diinsuranskan** tidak dapat mengambil bahagian atau menjalankan profesion atau pekerjaan beliau buat sementara waktu disebabkan **Kecederaan** akibat **Kemalangan** yang dilindungi di bawah Polisi ini sebagaimana disahkan oleh **Pengamal Perubatan**, **Kami** akan membayar **Pihak Diinsuranskan** jumlah yang dinyatakan di bawah Manfaat Mingguan (Hilang Upaya Menyeluruh Sementara / Hilang Upaya Separa Sementara) sebagaimana diperuntukkan dalam Jadual Manfaat sehingga 104 minggu, berkuat kuasa dari tarikh pengesahan kehilangan upaya sementara tersebut oleh **Pengamal Perubatan**.

## KLAUSA-KLAUSA

### MOGOK, RUSUHAN DAN KEKECOHAN AWAM

Adalah dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini diperluaskan untuk melindungi kematian atau hilang upaya atau **Kecederaan** kepada **Pihak Diinsuranskan** yang timbul daripada Mogok, Rusuhan dan Kekecohan Awam yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh gangguan buruh, rusuhan atau kekecohan awam atau mana-mana orang yang berniat jahat yang bertindak bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana organisasi politik, dengan syarat bahawa berhubung dengan lanjutan ini **Pihak Diinsuranskan** hendaklah mengalami **Kecederaan** seperti yang ditakrifkan dalam Polisi sementara sebagai penonton yang tidak bersalah dan bukan akibat penyertaan aktif secara langsung atau tidak langsung dalam Mogok, Rusuhan atau Kekecohan Awam tersebut.

#### **RAMPASAN**

Adalah dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini diperluaskan untuk melindungi kematian atau hilang upaya atau **Kecederaan** kepada **Pihak Diinsuranskan** yang timbul daripada rampasan yang menyalahi undang-undang atau pelaksanaan kawalan kapal pesawat atau pengangkutan awam yang salah semasa dalam perjalanan sebagai penumpang yang membayar tambang.

#### **KERACUNAN MAKANAN**

Adalah dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini diperluaskan untuk melindungi **Pihak Diinsuranskan** terhadap kematian atau rawatan perubatan sebagaimana ditakrifkan yang timbul daripada atau akibat daripada keracunan makanan yang tidak disengajakan atau disebabkan musibah lain yang seumpamanya.

#### **MATI LEMAS**

Adalah dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini diperluaskan untuk melindungi **Pihak Diinsuranskan** terhadap kematian akibat mati lemas yang tidak disengajakan.

#### **SUKAN AMATUR**

Adalah dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini diperluaskan untuk melindungi kematian atau hilang upaya atau **Kecederaan** yang timbul semasa **Pihak Diinsuranskan** melibatkan diri dalam sukan dalaman atau luaran sebagai seorang amatur, kecuali yang dinyatakan di bawah Pengecualian (c).

#### **PEMBUNUHAN DAN/ATAU SERANGAN TIDAK DIDORONG**

Adalah dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini diperluaskan untuk melindungi kematian atau hilang upaya atau **Kecederaan** yang timbul daripada pembunuhan dan/atau serangan atau sebarang percubaan ke atas **Pihak Diinsuranskan** tanpa provokasi.

#### **GIGITAN SERANGGA, ULAR, BINATANG PEROSAK DAN BINATANG**

Adalah dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini diperluaskan untuk melindungi kematian atau hilang upaya atau **Kecederaan** kepada **Pihak Diinsuranskan** akibat daripada gigitan serangga, ular, binatang perosak dan Binatang, tidak termasuk penyakit yang disebabkan olehnya.

#### **KEHILANGAN**

Adalah dipersetujui dan difahami bahawa sekiranya selepas tempoh satu (1) tahun telah luput dari tarikh kehilangan **Pihak Diinsuranskan** dilaporkan kepada polis atau pihak berkuasa, dan **Syarikat** telah meneliti segala bukti yang ada dan tidak mempunyai alasan untuk mengandaikan apa-apa selain daripada suatu **Kemalangan** yang telah berlaku yang berkemungkinan besar mengakibatkan kematian **Pihak Diinsuranskan**, kehilangan tersebut hendaklah dianggap boleh dituntut sebagai tuntutan kematian di bawah Polisi ini.

Walau bagaimanapun, sekiranya pada bila-bila masa selepas bayaran telah dibuat, **Pihak Diinsuranskan** didapati masih hidup, maka apa-apa jumlah yang telah dibayar oleh **Syarikat** hendaklah dikembalikan semula sepenuhnya kepada **Syarikat**.

#### **SUKAN MUSIM SEJUK**

Adalah dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini diperluaskan untuk melindungi **Pihak Diinsuranskan** terhadap kematian atau hilang upaya atau **Kecederaan** semasa mengambil bahagian dalam aktiviti sukan musim sejuk sebagai amatur.

#### **BENCANA SEMULA JADI**

Adalah dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini diperluaskan untuk melindungi **Pihak Diinsuranskan** terhadap kematian atau hilang upaya atau **Kecederaan** disebabkan oleh gempa bumi, banjir, letusan gunung berapi, ombak besar, panahan petir, ribut, hurikan, siklon, taufan, La Nina dan gelinciran tanah / tanah runtuh.

#### **PENDEDAHAN KEPADA ELEMEN SEMULA JADI**

Adalah dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini diperluaskan untuk melindungi kematian atau hilang upaya atau **Kecederaan** yang disebabkan oleh pendedahan kepada **Elemen Semula Jadi** akibat **Kemalangan**, dengan syarat bahawa sekiranya kematian **Pihak Diinsuranskan**, kematian tersebut tertakluk kepada inkues di mana didapati bahawa kematian **Pihak Diinsuranskan** adalah disebabkan oleh pendedahan akibat sesuatu **Kemalangan**.

#### **MENUNGGANG MOTOSIKAL**

Adalah dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini diperluaskan untuk melindungi **Pihak Diinsuranskan** semasa menunggang motosikal (sama ada sebagai penunggang atau pembonceng) untuk tujuan persendirian atau perniagaan, dengan syarat sentiasa bahawa **Syarikat** tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang tuntutan yang timbul daripada perlumbaan, mengatur rentak (pace-making) atau penglibatan dalam mana-mana pertandingan kepantasan, kehandalan atau ujian-ujian lain.

## MEMBURU

Adalah dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini diperluaskan untuk melindungi **Pihak Diinsuranskan** terhadap kematian atau hilang upaya atau **Kecederaan** ketika terlibat dalam aktiviti pemburuan (kecuali permainan pemburuan besar) untuk tujuan riadah sahaja, dengan syarat kelulusan permit / lesen daripada pihak berkuasa berkaitan telah diperolehi dan **Pihak Diinsuranskan** memegang lesen sah untuk memiliki dan menggunakan senjata api untuk tujuan pemburuan sahaja.

## SESAK NAFAS AKIBAT ASAP, WASAP ATAU GAS BERACUN

Adalah dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini diperluaskan untuk melindungi **Pihak Diinsuranskan** terhadap kematian atau hilang upaya atau **Kecederaan** yang timbul akibat sesak nafas secara tidak sengaja oleh asap, wasap atau gas beracun.

## PERLINDUNGAN KEGANASAN

Adalah dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini diperluaskan untuk melindungi kematian dan hilang upaya yang timbul daripada tindakan Keganasan kecuali Keganasan akibat semata-mata daripada penggunaan senjata nuklear, kimia atau biologi pemusnah besar-besaran walaupun bagaimanapun cara sekalipun ia disebarkan atau digabungkan. Untuk klausa ini:

- (a) Keganasan bermaksud satu perbuatan, atau tindakan mana-mana individu, atau kumpulan individu yang dilakukan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau tujuan seumpamanya dengan niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan / atau untuk membuatkan orang awam, atau mana-mana bahagian / tempat awam berada dalam ketakutan. Keganasan boleh termasuk tetapi tidak terbatas kepada penggunaan sebenar kekerasan atau keganasan dan / atau ancaman penggunaan sedemikian. Tambahan pula, mereka yang melakukan Keganasan boleh bertindak sama ada secara sendiri, atau bagi pihak, atau bersangkut-paut dengan mana-mana pertubuhan atau kerajaan.
- (b) Penggunaan senjata nuklear pemusnah besar-besaran bermaksud penggunaan sebarang bahan letupan senjata nuklear atau peranti atau pemancaran, pelepasan, penyebaran, pembebasan atau pelancaran bahan boleh belah yang memancarkan tahap radioaktif yang berupaya menyebabkan kelumpuhan atau kematian dalam kalangan manusia atau haiwan.
- (c) Penggunaan senjata kimia pemusnah besar-besaran bermaksud pemancaran, pelepasan, penyebaran, pembebasan atau pelepasan sebarang sebatian kimia pepejal, cecair atau bergas yang, apabila disebarkan sepenuhnya, berupaya menyebabkan kelumpuhan atau kematian dalam kalangan manusia atau haiwan.
- (d) Penggunaan senjata biologi pemusnah besar-besaran bermaksud pemancaran, pelepasan, penyebaran, pembebasan atau pelancaran sebarang mikroorganisma patogenik (yang menghasilkan penyakit) dan / atau secara biologi menghasilkan toksin (termasuk organisma yang diubahsuai genetik dan mensintesis toksin secara kimia) yang berupaya menyebabkan kelumpuhan atau kematian dalam kalangan manusia atau haiwan.

## AKTIVITI BAWAH AIR / MENYELAM SCUBA (SEHINGGA 50 METER)

Adalah dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini diperluaskan untuk melindungi **Pihak Diinsuranskan** terhadap kematian atau hilang upaya atau **Kecederaan** semasa terlibat dalam aktiviti bawah air yang melibatkan penggunaan alat pernafasan / selam skuba sebagai seorang amatir (sehingga 50 meter), di mana

- (a) **Pihak Diinsuranskan** berada di bawah pengawasan pengajar selam yang bertauliah; atau
- (b) **Pihak Diinsuranskan** memegang sijil menyelam yang sah.

## KEMABUKAN DISEBABKAN OLEH UBAT YANG DITETAPKAN

Adalah dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini diperluaskan untuk melindungi **Pihak Diinsuranskan** terhadap kematian atau hilang upaya atau **Kecederaan** seperti yang ditakrifkan yang timbul daripada atau akibat daripada kemabukan oleh dadah atau alkohol. Untuk tujuan ini, semua ubat tersebut mesti ditetapkan oleh **Pengamal Perubatan** berdaftar yang bertauliah dan kepekatan alkohol dalam darah, nafas atau air kencing **Pihak Diinsuranskan** tidak boleh melebihi had undang-undang yang berkuat kuasa pada masa yang material.

## PENGECUALIAN

Polisi ini tidak melindungi kematian atau hilang upaya secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh, akibat daripada atau bersangkut paut dengan mana-mana yang berikut:

- (a) Bunuh diri (sama ada feloni atau tidak) atau sebarang cubaan bunuh diri atau **Kecederaan** diri sendiri yang disengajakan, kehamilan (kecuali Manfaat 12) atau melahirkan anak melainkan disebabkan semata-mata dan secara langsung oleh **Kemalangan**, penyakit kelamin atau tidak siuman, kesan atau pengaruh (sementara atau sebaliknya) alkohol atau ubat yang tidak dipreskripsi oleh **Pengamal Perubatan**, melakukan atau cuba untuk melakukan sebarang tindakan menyalahi undang-undang.
- (b) **Orang Yang Diinsuranskan** membuat penerbangan atau perjalanan dalam pesawat selain daripada sebagai penumpang berbayar dengan syarikat penerbangan berlesen mengikut laluan domestik atau antarabangsa yang dijadualkan.

- (c) **Orang Yang Diinsuranskan** mengambil bahagian dalam:
- Sukan dan aktiviti lasak,**
  - Bermain ski air, aktiviti dalam air yang melebihi lima puluh (50) meter kedalaman, melibatkan penggunaan alat pernafasan bawah air (kecuali menyelam skuba),
  - Sukan atau permainan profesional, seni mempertahankan diri, menunggang kuda, gusti, tinju, ragbi atau bola sepak Amerika.
- (d) Penggunaan mesin pertukangan kayu yang dipacu oleh kuasa mekanikal.
- (e) Sebarang kecacatan fizikal atau mental atau uzur, sebarang jenis sawan, sebarang bentuk sakit, penyakit, virus, jangkitan atau parasit yang sedia ada.
- (f) Peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, kebangkitan, rampasan kuasa pihak tentera atau perampasan.
- (g) Intoksikasi melebihi had undang-undang.
- (h) Pembunuhan dan serangan akibat provokasi.
- (i) Kematian, kecacatan dan **Kecederaan** akibat kemalangan ketika melakukan atau cuba melakukan sebarang tindakan menyalahi undang-undang (perbuatan yang bertentangan dengan undang-undang, termasuk tetapi tidak terhad kepada memandu tanpa lesen memandu yang sah).
- (j) Pengeaionan, bahan senjata nuklear, radiasi atau pencemaran melalui radio-aktiviti daripada mana-mana sisa nuklear akibat pembakaran bahan api nuklear. Semata-mata bagi tujuan pengecualian ini, pembakaran hendaklah termasuk pengekaln proses pembelahan nuklear.
- (k) Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau penyakit Kompleks Berkaitan AIDS (ARC) walau bagaimana sekalipun sindrom ini diperolehi atau mungkin dinamakan.
- (l) Liabiliti berkenaan dengan **Kecederaan** atau kerosakan disebabkan oleh atau berhubung dengan atau timbul daripada:
- Pemunyaan atau pemilikan atau penggunaan oleh atau bagi pihak **Orang Yang Diinsuranskan** mana-mana haiwan (selain daripada anjing atau kucing), pesawat udara, motosikal, kenderaan, kapal atau alat pengangkutan;
  - Pemunyaan atau pemilikan atau penggunaan oleh atau bagi pihak **Orang Yang Diinsuranskan** mana-mana tanah atau bangunan;
  - Apa-apa pekerjaan, profesion atau perniagaan **Orang Yang Diinsuranskan** atau apa sahaja yang dilakukan berhubung dengannya atau untuk tujuan itu.
- (m) Klausula Pengecualian Kerugian Siber Terhadap
- Tanpa mengambil kira sebarang peruntukan yang bertentangan dalam Polisi ini, Polisi ini mengecualikan sebarang Kerugian Siber.
  - Kerugian Siber bermaksud sebarang kerugian, kerosakan, tanggungan, perbelanjaan, denda atau penalti atau apa-apa jumlah lain yang disebabkan secara langsung oleh:
    - Penggunaan atau pengendalian mana-mana Sistem Komputer atau Rangkaian Komputer;
    - Pengurangan atau kehilangan keupayaan untuk menggunakan atau mengendalikan mana-mana Sistem Komputer, Rangkaian Komputer atau Data;
    - Akses kepada, pemprosesan, penghantaran, penyimpanan atau penggunaan mana-mana Data;
    - Ketidakmampuan untuk mengakses, memproses, menghantar, menyimpan atau menggunakan sebarang Data;
    - Sebarang ancaman atau sebarang penipuan berkaitan (i) hingga (iv) di atas;
    - Sebarang ralat atau pengabaian atau kemalangan berkenaan dengan mana-mana Sistem Komputer, Rangkaian Komputer atau Data.
  - Sistem Komputer bermaksud mana-mana komputer, perkakasan, perisian, aplikasi, proses, kod, program, teknologi maklumat, sistem komunikasi atau peranti elektronik yang dimiliki atau dikendalikan oleh Pihak Diinsuranskan atau mana-mana pihak lain. Ini termasuk mana-mana sistem yang serupa dan sebarang kemasukan, pengeluaran atau peranti storan data atau sistem, peralatan rangkaian atau kemudahan sandaran yang berkaitan.
  - Rangkaian Komputer bermaksud sekumpulan Sistem Komputer dan peranti elektronik lain atau kemudahan rangkaian yang disambungkan melalui satu bentuk teknologi komunikasi, termasuk internet, intranet dan rangkaian persendirian maya (VPN), membenarkan peranti pengkomputeran rangkaian untuk bertukar Data.
  - Data bermaksud maklumat yang digunakan, diakses, diproses, dihantar atau disimpan oleh Sistem Komputer.
- (n) Klausula Pengecualian Pandemik
- Polisi ini akan mengecualikan semua kerugian yang timbul daripada, disumbangkan oleh, atau berpunca daripada sebarang pandemik. Dengan ini, punca penyumbang kepada pandemik adalah mencukupi.
  - Pandemik menurut perenggan (a) merujuk kepada semua penyakit atau patogen yang diisytiharkan sedemikian oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Pengecualian ini terpakai dari Tarikh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengisytiharkan wabak itu.
  - Jika **Kami** mendakwa bahawa disebabkan oleh pengecualian ini, sebarang kerugian tidak diilindungi oleh Polisi ini, beban untuk membuktikan sebaliknya adalah tanggungjawab **Orang Yang Diinsuranskan**.

## SYARAT-SYARAT

### 1. TAFSIRAN

Polisi dan **Jadual** ini hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak dan membentuk kontrak keseluruhan di antara semua pihak dan tiada sebarang pernyataan, kenyataan, waranti, perjanjian secara langsung atau tidak langsung, selain daripada yang terkandung di dalam kontrak ini dan sebarang ungkapan dan makna khususnya yang telah dinyatakan dalam mana-mana bahagian polisi atau **Jadual** ini hendaklah membawa maksud khusus sedemikian dimana jua ia mungkin dicatat.

### 2. SYARAT DULUAN KEPADA LIABILITI

**Pihak / Orang Yang Diinsuranskan** seharusnya mematuhi dan memenuhi terma-terma, syarat-syarat dan pengendorsan Polisi ini setakat mana ia berhubung kait dengan apa sahaja yang perlu dilakukan atau dipatuhi oleh **Pihak / Orang Yang Diinsuranskan** hendaklah menjadi syarat duluan kepada mana-mana liabiliti Syarikat untuk membuat sebarang bayaran di bawah Polisi ini.

### 3. PIHAK BERKEPENTINGAN

Melaikan diperuntukkan sebaliknya secara nyata melalui pengendorsan ke atas Polisi ini, **Syarikat** berhak untuk menganggap **Pihak Diinsuranskan / Orang Yang Diinsuranskan** sebagai pemilik mutlak Polisi dan tidak terikat untuk mengiktiraf sebarang tuntutan saksama atau tuntutan lain atau kepentingan dalam Polisi dan pengakuan penerimaan oleh **Pihak Diinsuranskan / Orang Yang Diinsuranskan** atau wakil sah **Pihak Diinsuranskan / Orang Yang Diinsuranskan** sahaja memadai sebagai pelepasan tanggungan **Syarikat**.

### 4. HAD UMUR PENYERTAAN

Umur **Orang yang Diinsuranskan** mestilah antara lapan belas (18) hingga tujuh puluh (70) tahun, dan boleh diperbaharui sehingga lapan puluh (80) tahun, kecuali untuk kanak-kanak. Kanak-kanak yang sepenuhnya bergantung pada **Orang yang Diinsuranskan** untuk sokongan kewangan mesti berumur antara tiga puluh (30) hari hingga lapan belas (18) tahun, atau sehingga dua puluh lima (25) tahun jika dia seorang pelajar sepenuh masa di institusi pengajian tinggi yang diiktiraf.

### 5. NOTIS

Semua notis yang perlu diberikan oleh **Pihak Diinsuranskan / Orang Yang Diinsuranskan** kepada **Syarikat** mestilah dibuat secara bertulis dan dialamatkan kepada **Syarikat** dan sebarang perubahan kepada terma-terma Polisi ini atau sebarang pengendorsan ke atasnya, tidak akan dianggap sah melainkan ditandatangani oleh seorang wakil yang diberi kuasa oleh **Syarikat**.

### 6. LIABILITI DIRI

Sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** mempunyai lebih daripada satu (1) polisi yang melindungi liabiliti diri dengan **Syarikat**, liabiliti maksimum yang dibayar oleh **Syarikat** adalah terhad kepada RM100,000 atau had liabiliti diri berdasarkan pelan yang diinsuranskan di bawah polisi ini, yang mana lebih besar dalam satu **Kemalangan** dan dalam satu **Tempoh Insurans**.

### 7. DUA ATAU LEBIH POLISI

Sekiranya pada masa mana-mana tuntutan di bawah faedah yang dilindungi dalam Polisi ini yang dibuat secara pembayaran balik, maka apa-apa perlindungan insurans yang lain, sama ada dengan Syarikat atau syarikat-syarikat lain yang melindungi risiko yang sama atau mana-mana bahagian daripadanya, Syarikat tidak akan dipertanggungjawabkan untuk membayar lebih daripada perkadaran yang setimpal dengannya.

### 8. PERUBAHAN DALAM RISIKO

**Pihak Diinsuranskan / Orang Yang Diinsuranskan** hendaklah memberi notis serta-merta kepada **Syarikat** mengenai sebarang pertukaran alamat, pekerjaan, negara domisil, usaha atau apa-apa kecederaan, penyakit, kecacatan fizikal atau ketiadaan upaya yang dialami atau diketahui oleh **Orang Yang Diinsuranskan**.

### 9. BERMASTAUTIN DI LUAR NEGARA

Hanya Manfaat Kematian Akibat Kemalangan dan Hilang Upaya Kekal sahaja akan dibayar sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** menetap di luar Malaysia bagi tempoh lebih daripada sembilan puluh (90) hari berturut-turut.

### 10. SALAH NYATAAN / PENIPUAN

Polisi ini boleh terbatal sekiranya berlaku salah nyata, penerangan yang salah, kesilapan, tertinggal atau tidak mendedahkan fakta oleh **Pihak / Orang yang Diinsuranskan**, yang mana **Pihak / Orang Yang Diinsuranskan** tahu atau sepatutnya telah mengetahui sebagai tidak benar, mengelirukan atau berkaitan atau yang mungkin telah mempengaruhi pertimbangan penanggung insurans yang berhemat (termasuk **Syarikat**) dalam menentukan premium yang perlu dibayar dan / atau menentukan jika risiko sepatutnya diterima, dengan / atau tanpa niat untuk menipu **Syarikat**.

### 11. TUNTUTAN

(a) Apabila berlaku sebarang **Kemalangan** yang mana pampasan perlu dibayar di bawah Polisi ini, **Pihak / Orang Yang Diinsuranskan** hendaklah dengan serta-merta menggunakan khidmat **Pengamal Perubatan** dan menjalani sebarang rawatan pengamal tersebut yang dianggap perlu.

- (b) Apabila berlaku sebarang **Kemalangan** yang mungkin menimbulkan tuntutan di bawah Polisi ini **Pihak Diinsuranskan / Orang Yang Diinsuranskan** hendaklah dalam tempoh empat belas (14) hari selepas berlaku kemalangan memberikan notis kepada **Syarikat** dengan butir-butir penuh mengenai kemalangan dan kecederaan. Selepas berlaku sebarang **Kemalangan** di bawah mana tuntutan telah timbul atau mungkin timbul **Pihak Diinsuranskan / Orang Yang Diinsuranskan** hendaklah berusaha sedaya upaya untuk mengekalkan sebarang perkakasan atau barangan sama ada yang rosak atau tidak berfungsi atau sebaliknya yang mungkin diperlukan atau berguna sebagai bukti berhubung dengan mana-mana tuntutan, dan setakat mana yang boleh secara munasabah sebarang perubahan atau pembaikan tidak boleh dibuat kepada mana-mana barangan berhubung dengannya atau yang terlibat dalam kemalangan tanpa mendapat kebenaran secara bertulis terlebih dahulu daripada **Syarikat**.
- (c) Semua sijil, resit akaun, dokumen, maklumat dan keterangan yang diperlukan oleh **Syarikat** hendaklah diberikan atas perbelanjaan **Pihak / Orang Yang Diinsuranskan** atau mana-mana Pihak Yang Menuntut di bawah ini dan hendaklah dalam bentuk dan sifat sedemikian sebagaimana yang **Syarikat** tentukan.
- (d) Kematian **Orang Yang Diinsuranskan** hendaklah disokong dengan Sijil Kematian Rasmi atau sekiranya kehilangan beliau berikutan suatu **Kemalangan**, melalui Mahkamah yang mengandaikan kematian beliau.
- (e) Tuntutan yang dibayar di bawah polisi mana-mana berkenaan akan dibayar kepada benefisiari atau penama seperti di dalam polisi atau wakil sah mereka di mana **Pihak Diinsuranskan** mempunyai kepentingan boleh insurans. Walaubagaimanapun, sekiranya tiada mempunyai kepentingan boleh insurans ke atas **Orang Yang Diinsuranskan**, semua bayaran tuntutan di bawah polisi ini akan dibayar kepada **Orang Yang Diinsuranskan** atau wakil sahnya.

## 12. PEMERIKSAAN PERUBATAN

**Syarikat** hendaklah diberi hak dan peluang untuk memeriksa **Orang Yang Diinsuranskan** sekerap yang mungkin yang diperlukan secara munasabah semasa menunggu tuntutan di bawah ini, dan juga hak dan peluang untuk melakukan autopsi dalam kes kematian yang mana tidak dilarang di sisi undang-undang.

## 13. PEMBATALAN INSURANS

**Syarikat** boleh membatalkan polisi ini pada bila-bila masa dengan memberi notis tujuh (7) hari melalui surat berdaftar kepada **Pihak Diinsuranskan** di alamat terakhir beliau yang diketahui. Kami akan memulangkan mana-mana perkadaran premium yang bersamaan dengan Tempoh Insurans belum luput. Polisi ini boleh dibatalkan oleh **Pihak Diinsuranskan** pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis tujuh (7) hari kepada **Syarikat** dan sekiranya ini berlaku **Pihak Diinsuranskan** berhak mendapat bayaran balik premium tolak premium dikira pada kadar jangka pendek **Syarikat** bagi tempoh Polisi ini telah berkuat kuasa dalam tempoh insurans semasa, dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat ke atas Polisi semasa.

Jadual Kadar Jangka Pendek

Tempoh Tidak Melebihi	Peratusan (%) Kadar Tahunan Dikenakan	Peratusan (%) Pemulangan Premium Tahunan
1 bulan	20	80
2 bulan	30	70
3 bulan	40	60
4 bulan	50	50
5 bulan	60	40
6 bulan	70	30
7 bulan	75	25
8 bulan	80	20
9 bulan	85	15
10 bulan	90	10
11 bulan	95	5
Tempoh melebihi 11 bulan	100	Tiada pemulangan

## 14. SYARAT PENARIKAN BALIK PORTFOLIO

**Syarikat** berhak untuk menarik balik portfolio secara keseluruhan sekiranya ia memutuskan untuk tidak menyambung pengunderaitan produk insurans ini. Penarikan balik portfolio secara keseluruhan hendaklah diberi notis bertulis tiga puluh (30) hari kepada **Pihak Diinsuranskan** dan **Syarikat** akan terus menanggung semua polisi sehingga luput Tempoh Insurans / perlindungan.

## 15. MATA WANG PEMBAYARAN

Semua jumlah yang dibayar sama ada kepada atau oleh **Syarikat** hendaklah dibayar dalam Ringgit Malaysia.

## 16. TIMBANG TARA

Semua percanggahan yang timbul daripada Polisi ini hendaklah dirujuk kepada keputusan seorang Penimbang Tara yang dilantik secara bertulis oleh kedua-dua pihak atau sekiranya mereka tidak bersetuju dengan pelantikan seorang Penimbang Tara kepada keputusan tersebut dua Penimbang Tara akan dilantik secara bertulis oleh setiap pihak dalam masa satu (1) bulan kalendar selepas diperlukan secara bertulis untuk berbuat demikian oleh mana-mana pihak atau dalam kes kedua-dua Penimbang Tara tidak boleh mencapai persetujuan seorang Pengadil akan dilantik secara bertulis oleh kedua-dua Penimbang Tara sebelum mula mendengar perkara yang dirujuk. Pengadil akan bersidang bersama dengan kedua-dua Penimbang Tara dan menyempurnakan mesyuarat mereka dan pembuatan Award hendaklah menjadi syarat duluan kepada mana-mana hak atau tindakan terhadap **Syarikat**. Sekiranya **Syarikat** menolak liabiliti kepada **Pihak / Orang Yang Diinsuranskan** bagi mana-mana tuntutan di bawah ini dan tuntutan tersebut tidak boleh dibuat dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar dari tarikh penolakan tersebut setelah dirujuk kepada penimbang tara di bawah peruntukan yang terkandung dalam polisi ini maka tuntutan tersebut hendaklah sebenarnya dianggap telah digugurkan dan tidak boleh diperolehi di bawah polisi ini.

#### 17. UNDANG-UNDANG MENTADBIR

Indemniti yang dinyatakan dalam Polisi ini tidak terpakai kepada dan tidak juga termasuk:

- pampasan bagi ganti rugi berhubung dengan penghakiman yang bukan pertama kali diberi oleh atau diterima daripada Mahkamah bidang kuasa kompeten di Malaysia.
- kos dan perbelanjaan litigasi yang diperoleh oleh pihak yang menuntut daripada Orang Yang Diinsuranskan yang tidak ditanggung dan boleh diperoleh di Malaysia.

#### 18. TEMPOH PERLINDUNGAN DAN SYARAT PEMBAHARUAN

Polisi ini boleh diperbaharui dari tahun ke tahun dengan persetujuan bersama antara Pihak Diinsuranskan dan Syarikat tetapi akan tertakluk kepada semakan pada Ulang Tahun Polisi yang merupakan setahun selepas tarikh berkuat kuasa dan setiap tahun berikutnya.

Walaupun bagaimanapun, Polisi ini tidak boleh diperbaharui apabila berlaku mana-mana yang berikut:

- bayaran premium tidak dibuat, atau
- atas kematian **Orang Yang Diinsuranskan**, atau
- Syarikat** telah membayar 100% pampasan ke atas faedah Hilang Upaya Kekal kepada **Orang Yang Diinsuranskan**
- Orang Yang Diinsuranskan** mencapai had usia perlindungan yang ditetapkan.

#### 19. PEMEGANG PERMIT KERJA DI MALAYSIA

Bagi **Orang Yang Diinsuranskan** yang merupakan pemegang permit kerja di Malaysia, polisi ini akan secara automatik terbatal dan tidak sah sekiranya permit kerja **Orang Yang Diinsuranskan** telah luput tempoh atau telah dibatalkan oleh pihak berkuasa berkaitan. **Kami** akan memulangkan mana-mana perkadaran premium yang bersamaan dengan Tempoh Insurans belum luput.

#### 20. KLAUSA HAD SEKATAN DAN PENGECUALIAN

**Kami** tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa manfaat di bawah Polisi ini jika perlindungan, pembayaran tuntutan tersebut atau manfaat tersebut mungkin mendedahkan **Kami** kepada sebarang sekatan, larangan atau sekatan di bawah resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau sekatan perdagangan atau ekonomi, undang-undang atau peraturan Kesatuan Eropah, United Kingdom, Amerika Syarikat atau Malaysia.

#### 21. PEMBAYARAN PREMIUM — TUNAI SEBELUM PERLINDUNGAN (“CASH BEFORE COVER”)

Anda mesti membayar premium sebelum perlindungan di bawah Polisi ini berkuat kuasa.

#### 22. PENAMATAN AUTOMATIK MANFAAT POLISI

Manfaat Individu bagi **Orang yang Diinsuranskan** di bawah Polisi ini akan dihentikan secara automatik::

- Apabila **Orang yang Diinsuranskan** meninggal dunia; atau
- Setelah pembayaran Manfaat 1 (Kematian Akibat Kemalangan) atau 100% Manfaat 2 (Hilang Upaya Kekal) atau Manfaat 17 (Indemniti Berganda Semasa Melancong Ketika Cuti Umum Kebangsaan di Malaysia / dalam Pengangkutan Awam) bagi **Orang yang Diinsuranskan**; atau
- Apabila permit kerja/pas **Orang yang Diinsuranskan** telah tamat atau dibatalkan oleh pihak berkuasa yang berkaitan di Malaysia

Kecuali untuk item 22 (a) dan (b) di atas, **Kami** akan mengembalikan premium bagi bahagian tempoh polisi yang belum tamat secara pro-rata dengan syarat tiada tuntutan dibuat sepanjang Tempoh Insurans.

#### 23. HAD WILAYAH

Perlindungan di bawah Polisi ini adalah dua puluh empat (24) jam sehari di seluruh dunia kecuali jika diendorskan atau dipinda sebaliknya.

### SENARAI SEMAK DOKUMEN SOKONGAN YANG DIPERLUKAN SEMASA TUNTUTAN

Item	Nama Manfaat	Tindakan / Dokumen yang Diperlukan
Semua	Semua Tuntutan	1. Borang tuntutan yang lengkap; 2. Bukti identiti.
1	Kematian Akibat Kemalangan	1. Laporan perubatan atau sijil kematian;
12	Perbelanjaan Pengebumian	2. Laporan bedah siasat (jika ada); 3. Lesen memandu dan laporan polis (sekiranya terlibat dalam kemalangan kenderaan bermotor);
19	Kematian Akibat Bencana Semula Jadi	4. Sijil pengebumian; 5. Surat pentadbiran (tuntutan $\geq$ RM100,000) dan perisytiharan bertulis daripada waris terdekat (tuntutan $<$ RM100,000); 6. Sijil faraid untuk Muslim; 7. Bukti hubungan dengan pencalon (contoh: sijil kelahiran, sijil perkahwinan).
2	Hilang Upaya Kekal	1. Laporan perubatan; 2. Lesen memandu dan laporan polis (sekiranya terlibat dalam kemalangan kenderaan bermotor); 3. Laporan pengamal perubatan yang mengesahkan kehilangan keupayaan kekal dan tahap kecacatan.

Item	Nama Manfaat	Tindakan / Dokumen yang Diperlukan
3	Perbelanjaan Perubatan	
4	Pembedahan Pembedahan Gigi dan/atau Kosmetik	1. Laporan perubatan; 2. Lesen memandu dan laporan polis (sekiranya terlibat dalam kemalangan kenderaan bermotor);
5	Rawatan Tradisional	
7	Yuran Ambulans	3. Bil/ resit perubatan asal;
11	Elaun Khairat Kematian	4. Nota atau ringkasan kemasukan/keluaran hospital.
6	Pembelian Peralatan Ortopedik	1. Laporan perubatan; 2. Lesen memandu dan laporan polis (sekiranya terlibat dalam kemalangan kenderaan bermotor); 3. Gambar kecederaan/kehilangan upaya kekal; 4. Resit asal bagi kos yang dituntut bagi peralatan perubatan.
8	Pendapatan Hospital Harian	1. Laporan perubatan; 2. Lesen memandu dan laporan polis (sekiranya terlibat dalam kemalangan kenderaan bermotor); 3. Nota atau ringkasan kemasukan/keluaran hospital.
9	Penjagaan Kejururawatan Rumah	1. Bil/resit asal untuk penjagaan kejururawatan; 2. Nota atau ringkasan kemasukan/keluar hospital yang mempunyai tarikh masuk/keluar; 3. Nasihat bertulis daripada pengamal perubatan yang merawat berkenaan keperluan penjagaan kejururawatan.
10	Penjagaan Ihsan	1. Lesen memandu dan laporan polis (sekiranya terlibat dalam kemalangan kenderaan bermotor); 2. Bil dan resit asal bagi perbelanjaan yang dikenakan untuk perjalanan dan penginapan; 3. Bukti hubungan (seperti sijil kelahiran); 4. Nota atau ringkasan kemasukan/keluaran hospital.
13	Perlindungan Penculikan	1. Laporan polis dan laporan siasatan.
14	Ragut dan Rompak	1. Laporan polis.
15	Penghantaran Balik Jenazah	1. Sijil kematian; 2. Lesen memandu dan laporan polis (sekiranya terlibat dalam kemalangan kenderaan bermotor); 3. Bil/resit asal untuk perbelanjaan yang ditanggung bagi pemulangan jenazah; 4. Sijil pembalseman; 5. Kebenaran/permit bagi pemulangan jenazah.
16	Liabiliti Peribadi	1. Semua surat-menyurat/dokumen daripada pihak ketiga.
17	Indemniti Berganda Semasa Melancong Ketika Cuti Umum Kebangsaan di Malaysia / dalam Pengangkutan Awam	1. Laporan polis; 2. Semua dokumen yang diperlukan untuk tuntutan kematian atau hilang upaya kekal; 3. Tiket atau dokumen yang menunjukkan butiran perjalanan.
18	Perbelanjaan Kaunseling Akibat Trauma / Fisioterapi / Psikoterapi / Pemulihan	1. Laporan perubatan; 2. Bil/resit asal bagi perbelanjaan yang ditanggung; 3. Laporan pengamal perubatan yang mengesahkan keperluan kaunseling / fisioterapi / psikoterapi / pemulihan.
	Pilihan Manfaat Mingguan	1. Laporan perubatan; 2. Lesen memandu dan laporan polis (sekiranya terlibat dalam kemalangan kenderaan bermotor); 3. Salinan sijil cuti sakit.

Sila ambil perhatian bahawa penghantaran maklumat/dokumen tidak semestinya bermakna tuntutan itu diterima. Dokumen yang diperlukan seperti yang dinyatakan di atas tidak dimaksudkan untuk merangkumi semua, kerana keperluan maklumat/dokumen tambahan mungkin menjadi perlu semasa penilaian tuntutan.

### KLAUSA DAN ENDORSMEN

**Dilampirkan dan dibaca sebagai sebahagian daripada Polisi  
(hanya terpakai sekiranya pembaharuan auto dipilih)**

#### Syarat-Syarat Khas Mengenai Arahan Bayaran Pembaharuan Auto

Akaun Calonan hendaklah bermaksud akaun yang dicalonkan oleh Pihak Diinsuranskan dalam Borang Arahan Pembaharuan Auto, atau sebagaimana- na diarahkan selanjutnya oleh Pihak Diinsuranskan secara bertulis, di mana premium bagi Polisi ini akan didebitkan atau dikenakan bayaran.

#### Premium

- Premium seperti yang dinyatakan dalam Jadual Polisi mestilah dibayar pada Tarikh Polisi Mula Berkuatkuasa dan dibayar setiap tahun pada setiap **Tarikh Ulang Tahun Polisi**.
- Premium akan dicaj kepada Akaun Calonan Pihak Diinsuranskan apabila sampai tempoh masa bayaran.
- Pembayaran premium apabila sampai tempoh masa bayaran akan memperbaharui Polisi secara automatik. Tiada dokumen pembaharuan akan dikeluarkan dan Polisi yang sedia ada merupakan bukti kesahihan perlindungan.

#### **Pembatalan Automatik**

- (a) Polisi ini akan dibatalkan serta-merta pada masa pembatalan Akaun Calonan Pihak Diinsuranskan di mana premium bagi Polisi ini dicajkan.
- (b) Tiada bayaran premium dibuat apabila sampai tempoh masa bayaran.

### **NOTIS PENTING**

1. **Pihak Diinsuranskan** hendaklah membaca Polisi ini dengan teliti, dan jika terdapat kesilapan atau keterangan yang salah, atau jika perlindungan tidak memenuhi kehendak **Pihak Diinsuranskan**, **Pihak Diinsuranskan** hendaklah memaklumkan kepada **Pihak Syarikat** dan mengembalikan Polisi untuk membuat pembedulan sewajarnya.
  2. **Pihak Diinsuranskan** yang tidak berpuas hati dengan tindakan atau keputusan Pihak Syarikat boleh mendapatkan bantuan melalui Unit Pengendalian Aduan kami dan sebagai alternatif, boleh juga mendapatkan pembelaan atau bantuan daripada Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS) atau melayari BNMLINK, Bank Negara Malaysia yang beralamat seperti di bawah
    - (a) **Unit Pengurusan Aduan  
Customer Service Executive, Customer Contact Centre  
Liberty General Insurance Berhad**  
Liberty Insurance Tower,  
CT9, Pavilion Damansara Heights,  
3, Jalan Damanlela,  
Pusat Bandar Damansara,  
50490 Kuala Lumpur.  
No. Tel. : 1 800 88 3833  
Emel : customer@kurnia.com  
Laman Web: www.kurnia.com
    - (c) **Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS)**  
(dahulunya dikenali sebagai Ombudsman Perkhidmatan Kewangan)  
No. Syarikat: 200401025885  
Talian Am: +603 2272 2811  
Alamat: Level 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia,  
No 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur  
Laman Web: www.fmos.org.my
  - (b) **BNMLINK  
Bank Negara Malaysia**  
4th Floor, Podium Bangunan AICB,  
No. 10, Jalan Dato' Onn,  
50480 Kuala Lumpur.  
e-Link : bnm.gov.my/BNMLINK  
Laman Web : www.bnm.gov.my
3. Liberty General Insurance Berhad adalah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk kepada Brosur TIPS PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).